

Tanah hilang ditelan sungai

Penduduk lima kampung gesa pihak berkaitan ambil tindakan segera atasi masalah hakisan

ROMPIN - Penduduk lima kampung di sepanjang Sungai Endau di sini, bimbang apabila masalah hakisan tebing yang berlaku sejak 30 tahun lalu masih belum selesai hingga menyebabkan tanah mereka hilang ditelan sungai.

Hakisan itu, melibatkan lima kampung bermula dari kuala sungai Anak Endau hingga ke Kampung Kasing dalam jarak kira-kira 10 kilometer.

Empat kampung lagi ialah Kampung Sarang Tiong, Kampung Mentara, Kampung Setajam dan

Kampung Pianggu.

Sungai Endau memisahkan sempadan antara dua negeri iaitu masing-masing daerah Mersing di Johor manakala daerah Rompin di Pahang.

Hakisan tebing yang tidak berkesudahan dipercayai akibat kesan ombak laut yang masuk melalui kuala Sungai Endau itu turut menyebabkan pemilik tanah menanggung kerugian.

Tanah tinggal 0.2 hektar

Penduduk Kampung Setajam, Mohamed Bustamin Che Tengah, 63, berkata, sudah 30 tahun dia menetap di Kampung Setajam dan masalah hakisan itu telah bermula sebelum itu lagi.

Dia yang bekerja sebagai nelayan kecil berkata, dalam tempoh itu sedikit demi sedikit tanahnya di tebing sungai terhakis hinggalah dari 1.6 hektar kini tinggal 0.2 hektar atau setengah ekar sahaja.

"Masalah ini berlarutan terlalu lama dan sudah tiba masanya ia diselesaikan kerana hakisan ini menyebabkan kerana hakisan di sebelah Johor semakin luas manakala kami pula kehilangan tanah.

"Hakisan ini juga menyebabkan

saya perlu membaiki jeti bot saban tahun namun setakat ini saya guna hasil hutan untuk baiki, kalau guna barang moden mahu habis ribuan ringgit," katanya kepada Sinar Harian.

Bayar cukai tanah ikut keluasan asal

Penduduk Kampung Pianggu, Nawawi Abdullah, 62, berkata, walaupun keluasan tanah sudah berkurangan akibat hakisan itu tetapi cukai hasil masih dibayar berdasarkan keluasan asal yang tertera pada geran.


Menurutnya, sedangkan bahagian tanah yang tinggal hanya separuh daripada keluasan asal yang kini sungai semakin hampir dengan jalan kampung.

"Tanah saya ini asalnya seluas kira-kira 1.2 hektar tetapi yang tinggal sekarang separuh daripada itu apabila dihakis masuk ke dalam sungai.

"Cukai hasil tanah saya bayar seperti biasa seperti keluasan asal. Ada juga yang dah tak bayar, jadi simpan geran sahaja," katanya.

Bina benteng di kawasan terjejas

Dalam pada itu, seorang lagi penduduk Kampung Setajam, Muhamad



Mohamed Bustamin menunjukkan jeti yang dibinanya sering rosak saban tahun akibat hakisan tebing.

Aw Kechik, 61, mencadangkan benteng dibina di kawasan tebing yang terjejas bagi mengelak hakisan berterusan.

Menurutnya, benteng itu bukan sahaja menghalang hakisan tetapi mampu menjadi tarikan pelancongan terutama bagi kaki pancing.

Jelasnya, tindakan segera perlu diambil pihak berkaitan kerana semua tanah di tebing sungai yang terjejas adalah rizab Melayu.


"Tanah saya juga banyak yang sudah terhakis hingga kini tinggal kira-kira 0.405 hektar daripada keluasan asal 1.6 hektar.

"Jika benteng hakisan dibina

segera, ia mampu jadi tarikan pelancongan di sini, di samping menjaga ekonomi penduduk setempat selain menawarkan pakej menarik kerana ada jelapang padi di sebelah darat," katanya.

Sementara itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Rompin, Aizuddin Anuar yang dihubungi berkata, pihaknya sudah maklum masalah hakisan itu.

Menurutnya, Ahli Parlimen Rompin, Datuk Hasan Arifin turut maklum mengenai masalah itu dan beliau sendiri telah mohon peruntukan dengan kerajaan pusat untuk selesaikan masalah itu.



MOHAMED BUSTAMIN



Jeti yang dibina penduduk rosak akibat masalah hakisan.



Sebuah rumah kelihatan begitu hampir dengan tebing sungai akibat masalah hakisan.